


Trio seni rangkul pingat emas silat pertama S'pura



PERWIRA EMAS: Pasukan negara, (dari kiri) Muhammad Nazrul, Hamillatu dan Nujaid (*terlindung*) beraksi semasa acara seni regu lelaki yang memberikan pingat emas pertama pasukan silat Singapura di Pusat Pameran dan Konvensyen Subic Bay semalam. - Foto REUTERS

► **ZULAIQAH ABDUL RAHIM**
zulabr@sph.com.sg
dari Manila, Filipina

TRIO pesilat seni lelaki negara memenangi emas pertama negara dari gelanggang silat pada hari pertama acara pencak silat Sukan SEA di Subic Bay, Filipina, semalam. Nujaid Hasif Zainal Abidin, Muhammad Nazrul Mohd Kamal dan Hamillatu Arash Juffrie meraih 466 mata untuk menewaskan pesaing terdekat Thailand yang mendapat perak dengan 458 mata.

Malaysia yang meraih 453 mata menduduki tempat ketiga. Rakan sepasukan Singapura, Muhammad Iqbal Abdul Rahman, pula meraih perak dalam acara seni tunggal putera.

Ditemui selepas majlis penyampaian pingat di Pusat Pameran dan Konvensyen Subic Bay, Nujaid berkata: "Terus terang, kami masih lagi terkejut. Ini kali pertama kami menang pingat emas dalam kejohanan besar. "Pingat emas ini menunjukkan keupayaan kami dan membuktikan kami boleh dapat pingat emas dalam kejohanan peringkat tinggi."

Di edisi Sukan SEA Kuala Lumpur dua tahun lalu, Singapura mendapat pingat gangsa dalam acara itu melalui gandingan Nujaid, Hamillatu dan Muhammad Haziq Zainal Abidin.

Bagi Iqbal, pingat perak yang dimenangkannya itu pula lebih manis kerana beliau sedang menanggung kecederaan bahu.

Iqbal, yang bahu kanannya terpaksa dibalut selepas acaranya itu, berkata beliau masih belum pulih keseluruhannya daripada kecederaan bahu yang pertama kali dialami dua tahun lalu.

"Apabila saya bangun pagi ini, saya langsung tidak fikirkan tentang kecederaan saya. Saya hanya beri tumpuan kepada usaha untuk memberikan persembahan baik... dan saya berpuas hati dengan persembahan hari ini," kata Iqbal, 26 tahun.

Iqbal mengutip 461 mata dalam acaranya untuk mengalahkan pesilat Indonesia Dino Bima Sulistianto yang meraih 460 mata.

Pesilat pasukan tuan rumah, Edmar Tacuel, mendapat pingat emas dalam acara itu selepas mengumpul 470 mata.

Namun dalam acara seni ganda lelaki, pasangan Nur Hakim Norshamsuddin dan Syafiq Syazry Mohd Abdul Majid pula hanya mampu menduduki tangga keenam antara tujuh pesaing.

Sementara itu, pasukan bola jaring negara terpaksa berpuas hati dengan pingat perak selepas tewas 42-48 kepada Malaysia di final acara itu.

Sehingga akhbar ini dicetak, Singapura telah memenangi empat pingat emas, enam perak dan 10 gangsa selepas hari pertama pertandingan.

Laporan lanjut

- Muka 15-16